

25/11/2001

KL tidak boleh campuri urusan dalaman Filipina

KOTA KINABALU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia tidak boleh mencampuri urusan dalaman Filipina berikutan perisytiharan perang oleh Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari terhadap kerajaan Filipina awal minggu ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini disebabkan kejadian yang meletus di selatan Filipina itu adalah urusan dalaman negara berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, jika Manila meminta bantuan menyelesaikannya, kerajaan sedia membantunya.

Katanya, Malaysia tidak boleh mengambil apa-apa tindakan sendiri untuk membantu menyelesaikan konflik yang berlaku tanpa persefahaman daripada Kerajaan Filipina.

"Ini sangat penting kerana dalam Asean, kita ada prinsip yang harus dipatuhi iaitu tidak boleh campurtangan dalam urusan dalaman mana-mana negara anggota," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kongres ke-12 Parti Liberal Demokratik (LDP) di Hotel Magellan Sutera di sini semalam.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri ditanya mengenai peranan Malaysia sebagai sebuah daripada lapan anggota jawatankuasa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengawasi perkembangan perjanjian damai ditandatangani antara Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) yang diketuai oleh Misuari dengan Kerajaan Filipina, pada 1996.

Beliau berkata, surat Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meminta bantuan bagi menamatkan pemberontakan terbaru di selatan negara itu, mungkin mengandungi mesej mengenai bentuk bantuan atau kerjasama yang dikehendaki.

Disebabkan surat itu dihantar kepada Dr Mahathir, maka Perdana Menteri sendiri akan memberi reaksi mengenainya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan pihaknya tidak menerima sebarang laporan mengenai Misuari memasuki Sabah.

Abdullah juga berkata, beliau puas hati dengan kawalan keselamatan di perairan negara, terutama di pantai timur Sabah yang kini semakin diperketatkan lagi.

"Sebelum ini pun kita sudah meningkatkan kawalan keselamatan... jika perlu kita sedia untuk menambah (jumlah anggota pasukan keselamatan)," katanya.

Abdullah yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sabah mengulangi jaminan kepada rakyat negeri ini bahawa kerajaan komited mengekalkan keamanan dan kestabilan politik kerana ia prasyarat kepada kemajuan negara.

"Kalau negeri tak aman dan tak selamat, kita tak boleh maju. Keamanan dan keselamatan serta kestabilan politik adalah prasyarat penting. Kita dapat pengajaran dari negeri lain yang berlaku pergaduhan dan peperangan saudara yang menyebabkan tiada kemajuan dicapai.

"Jadi sebarang perkembangan yang boleh mengancam keselamatan dan merosakkan kestabilan politik, mesti kita hapuskan dengan cepat," katanya.

(END)